

TPM bimbang keganasan kempen PRU-13

Utusan Online

28 April, 2013

ARAU 27 April - Rancangan pembangkang untuk menimbulkan huru-hara pada saat-saat terakhir berkempen sehingga hari mengundi 5 Mei ini menunjukkan mereka tidak yakin dapat menawan Putrajaya berikutan gelombang sokongan rakyat kini jelas berpihak kepada Barisan Nasional (BN).

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, beliau bimbang dengan trend muktahir yang boleh berlaku di mana-mana sahaja seolah-olah pembangkang tidak lagi mempunyai adab dan budaya berkempen dengan rakyat negara ini.

Beliau memberikan contoh insiden letupan semasa ceramah perdana anjuran BN Parlimen Nibong Tebal baru-baru ini yang mengakibatkan seorang petugas parti cedera diikuti kejadian Bilik Gerakan BN Jelapang, Ipoh dibaling dengan dua bom petrol oleh sekumpulan lelaki.

"Jadi kita bimbang apakah ini trend, budaya yang diamalkan pembangkang. Mereka berasa kedudukan mereka memanglah terancam kerana sokongan rakyat semakin hari semakin meningkat kepada BN.

"Mungkin mereka mengira hari-hari ke hadapan ini adalah hari terakhir kepada mereka dan mereka tahu nanti, Insya-Allah menjelang 5 Mei BN akan kembali semula berkuasa membentuk kerajaan di peringkat Pusat dan negeri," katanya ketika berucap pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di pekarangan Dewan 1Malaysia, Simpang Empat di sini hari ini.

Muhyiddin berkata, pembangkang tidak sewajarnya merancang untuk berbuat sesuatu di luar batas undang-undang dan kesusilaan jika berasakan mempunyai peluang untuk menang seperti yang digembar-gemburkan pemimpin mereka.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan semua pihak supaya tidak menafikan hak dan peluang rakyat untuk mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) bagi menentukan nasib masa depan mereka.

"Kalau mereka yakin kali ini rakyat akan sokong kepada mereka, biarlah rakyat keluar mengundi dan dengan harapan mereka kata nak mengundi mereka. Kenapa mereka hendak timbulkan huru-hara?"

"Apakah ini menunjukkan mereka kurang yakin atau memang tidak yakin untuk membentuk kerajaan maka sebab itu mereka bertindak awal untuk melakukan sesuatu yang di luar batas undang-undang, susila dan sopan santun," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, rakyat bagaimanapun tidak perlu berasa bimbang untuk keluar mengundi kerana pihak berkuasa termasuk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan menentukan keadaan sentiasa terkawal dan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan proses pengundian berjalan lancar.

Beliau berkata, adalah penting bagi Malaysia untuk menunjukkan kepada dunia bahawa negara ini mempunyai undang-undang dan cara untuk menguruskan pilihan raya.

Dalam pada itu, beliau berkata, ramalan kononnya pakatan pembangkang akan mendapat jumlah kerusi yang besar untuk membentuk kerajaan sebenarnya adalah *psy war strategy* (strategi perang saraf) atau tipu helah politik bagi mewujudkan kesangsian dalam kalangan rakyat.

"Ini adalah satu perbuatan dalam bentuk perang psikologi tetapi saya yakin rakyat yang mahu menyokong BN akan terus memberikan sokongan dan menentukan BN menang serta membentuk kerajaan pada PRU-13," katanya.

Sementara itu ketika berucap dalam Majlis Pemimpin Bersama Rakyat Parlimen Padang Besar di Pasar Baru, Bukit Keteri, Chuping yang dihadiri oleh kira-kira 1,000 penduduk, Muhyiddin mengingatkan rakyat jangan sesekali terpedaya dengan tohmahan parti pembangkang terhadap BN yang kononnya tidak lagi mampu memerintah negara kerana parti, pemimpin dan kerajaan sudah tua.

Sebaliknya tegas Timbalan Perdana Menteri, BN bukan sahaja tidak pernah tua malah sentiasa muda dengan corak pemerintahan yang semasa.

Katanya, tujuan pembangkang membuat tohmahan hanya untuk menarik sokongan rakyat supaya membuat perubahan dalam kepemimpinan negara dengan memilih mereka dari parti yang masih baru.

"Cuba bandingkan pemimpin parti mana yang sebenarnya tua iaitu antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan Anwar Ibrahim (PKR), Karpal Singh (DAP), Nik Aziz (Pas) dan sudah pastinya usia Najib yang paling muda," katanya.

Majlis itu turut dihadiri Pengerusi BN Negeri, Datuk Seri Dr. Md Isa Sabu dan calon BN Parlimen Padang Besar, Datuk Zahidi Zainul Abidin.

Muhyiddin berkata, rakyat tidak perlu mengikut cakap pembangkang yang mahukan kepemimpinan sekarang diubah kerana apa yang ada sekarang adalah baik.

"Ibarat menolak rezeki kalau rakyat mengikut apa yang dikatakan oleh pembangkang," katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, BN menerusi aku janji yang lancarkan baru-baru ini berusaha untuk mempertingkatkan lagi segala bentuk pembangunan untuk rakyat.

"Kerajaan dah berjanji untuk memperelokkan lagi apa yang diperlukan oleh rakyat maka sepatutnya rakyat terus memberikan kepercayaan tersebut," katanya.

Beliau berkata, pembangkang memang suka memberikan janji yang seronok untuk didengar oleh rakyat, tetapi tidak diketahui sama ada janji-janii itu boleh dilaksanakan jika mendapat peluang memerintah.

Katanya, apa yang berlaku di Selangor seharusnya menjadi iktibar kepada semua rakyat di mana pembangkang terbukti tidak mampu memerintah dan hanya sepuluh peratus sahaja daripada manifesto pilihan raya yang dijanjikan dapat dilaksanakan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130428/px_20/TPM-bimbang-keganasan--kempen-PRU-13#ixzz2ZodA3IbW